



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# KENYATAAN MEDIA

---

## **MAJLIS PENYERAHAN BAYARAN IMBUHAN BALIK KEPADA PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD BAGI PENCAPAIAN DI BAWAH PROGRAM PENGURANGAN KADAR AIR TIDAK BERHASIL (NRW) KEBANGSAAN PENDEKATAN 2 BAGI PENCAPAIAN NRW TAHUN 2021**

---

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah memulakan Program Pengurangan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) Kebangsaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dan disambung dalam RMKe-12 melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah hampir RM2 bilion. Program ini dilaksanakan melalui dua (2) pendekatan iaitu Pendekatan 1 dan Pendekatan 2.

Program Pengurangan Kadar NRW Kebangsaan Pendekatan 2 dilaksanakan melalui pemberian geran sepadan (*matching grant*) bagi operator-operator air yang berjaya mencapai sasaran penurunan kadar NRW tahunan yang ditetapkan. Pendekatan 2 melibatkan negeri-negeri dengan kadar NRW kurang daripada 40% iaitu Melaka, Pulau Pinang, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Terengganu dan Selangor.

Melalui pendekatan ini, Kerajaan Persekutuan akan membayar balik 50% daripada perbelanjaan tahunan program NRW oleh operator air yang disiapkan bagi mencapai sasaran NRW yang ditetapkan dan 75% daripada perbelanjaan tersebut sekiranya pencapaian NRW tersebut digandakan. Sebanyak RM1.371 bilion telah diluluskan bagi pelaksanaan pendekatan ini dan agensi pelaksana program ini adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Selain daripada menyediakan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia, bagi mengurangkan kadar NRW, pelbagai langkah telah diambil untuk membantu operator air, antara lainya seperti pembiayaan Modal (CAPEX) penggantian paip oleh Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB) bagi negeri yang telah memuktamadkan penstrukturan semula industri bekalan air. Selain itu, kemudahan pinjaman jangka pendek juga disediakan oleh PAAB bagi membiayai pelaksanaan program NRW di

bawah skop perbelanjaan operasi (OPEX) seperti penggantian meter, pembangunan *District Metering Zone* (DMZ), pengesanan kebocoran secara aktif dan lain-lain.

Kerajaan mengalu-alukan penyertaan pihak swasta untuk bekerjasama dengan operator air dalam membiayai projek-projek NRW. Inisiatif kerjasama awam-swasta ini bukan sahaja selari dengan Agenda Transformasi Sektor Air Negara 2040 (WST2040), malah mendukung sektor air negara sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara serta nadi utama kepada aspek keselamatan air negara (*water security*) secara keseluruhan.

Pada hari ini, saya telah menyerahkan *mock up cheque* kepada Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) sebagai simbolik bayaran imbuhan balik yang layak dituntut iaitu sebanyak 50% daripada perbelanjaan tahunan program NRW yang telah disiapkan. Ini kerana Air Selangor telah berjaya menurunkan kadar NRW pada tahun 2021 sebanyak 0.5% kepada 28.0% selaras dengan sasaran yang telah ditetapkan dan berjaya menerima bayaran imbuhan balik sebanyak RM111.9 juta.

Dengan kejayaan pada kali ini, Air Selangor telah berjaya mencapai sasaran penurunan kadar NRW yang ditetapkan bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut iaitu 2019, 2020 dan 2021 di bawah program ini. Secara keseluruhannya, Air Selangor telah layak mendapat imbuhan balik berjumlah RM362.4 juta di bawah Program NRW Kebangsaan Pendekatan 2 dalam tempoh tersebut.

Selain daripada Air Selangor, Ranhill SAJ juga telah berjaya mencapai sasaran pengurangan kadar NRW pada tahun 2021 iaitu pengurangan sebanyak 1.6% menjadikan kadar NRW Negeri Johor kepada 25.1%. Bagi pencapaian ini, Ranhill SAJ telah berjaya menuntut imbuhan balik sebanyak RM 142.3 juta yang merupakan 75% daripada perbelanjaan program NRW yang telah dibuat. Ini kerana Ranhill SAJ telah berjaya menggandakan kadar penurunan NRW berbanding sasaran asal yang ditetapkan iaitu penurunan sebanyak 0.5% pada tahun 2021.

Saya berharap kejayaan Air Selangor dan Ranhill SAJ ini dapat menjadi pemangkin dan motivasi kepada semua operator air untuk turut melaksanakan usaha sebaik mungkin bagi mencapai sasaran pengurangan kadar NRW yang telah ditetapkan. Ini

kerana pengurangan kadar kehilangan air terawat adalah sangat penting untuk memastikan kestabilan bekalan air, meningkatkan rizab marjin air, mengurangkan kerugian pulangan ekonomi sektor air dan pembaziran sumber air serta tenaga dan bahan yang digunakan dalam proses rawatan air tersebut.

Ingin saya tekankan bahawa Kementerian komited dalam usaha mengatasi isu NRW bagi memastikan industri bekalan air negara yang mampan melalui pelbagai program yang dilaksanakan untuk membantu operator air. Justeru, saya menyeru semua negeri melalui operator air masing-masing menyahut cabaran untuk membantu mengurangkan kadar NRW Kebangsaan bagi meningkatkan lagi kecekapan operasi sektor air negara dan seterusnya menjamin bekalan air yang berterusan kepada rakyat.

**YB NIK NAZMI NIK AHMAD**

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

7 Mac 2023